

TEKS UCAPAN
PERUTUSAN TAHUN BARU 2016 DATUK BANDAR

Bismillah hirrahmannirrahim.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Bandaraya Aman Makmur.

Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T di atas rahmat dan limpah kurniaNya dapat kita bersua kembali dilembaran tahun baru ini. Dengan ketibaan tahun 2016 ini, maka bermulalah lembaran baru dalam kehidupan kita termasuk tugas-tugas yang perlu kita laksanakan dan sasaran-sasaran yang perlu dikecapi.

Warga Bandaraya Alor Setar,

Tahun 2015 akan melabuhkan tirainya dan Tahun 2016 akan menjelang tiba. Segala cabaran dan kejayaan sepanjang tahun 2015 telah berjaya ditempuh bersama dengan jayanya oleh Majlis Bandaraya Alor Setar dan warga Bandaraya sekalian dan akan terus dipertingkatkan lagi untuk mengetengahkan nama Bandaraya Alor Setar supaya lebih meluas dan terkenal. Sepanjang tahun 2015, pelbagai pencapaian telah dapat dirasai oleh rakyat. Beberapa pasar telah dinaiktaraf seperti Pasar Koboi di Jalan Teluk Wanjah dan juga Pasar Awam di Kuala Kedah dengan perbelanjaan kos hampir RM12juta.

Manakala pada Tahun 2016, Pasar Pokok Sena pula akan dinaiktaraf dengan kos RM5.5juta. *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* atau dikenali sebagai Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan oleh kerajaan, telah dilaksanakan dalam kawasan Bandaraya Alor Setar. Strategi ini akan merencanakan lagi pembangunan Bandaraya Alor Setar untuk ditransformasikan ke arah bandaraya maju, sejahtera dan berpendapatan tinggi dalam semua aspek. Pembangunan untuk peniaga telah diperkasakan dengan menaikkan beberapa medan selera iaitu Medan Selera Bakar Bata, Medan Selera Darul Aman dan lain-lain lagi.

Pemantauan berkala dari pihak terlibat di medan-medan selera ini dapat membantu para peniaga untuk beroperasi dengan lebih tersusun dan sistematik lagi. Dari aspek perancangan pembangunan, Majlis telah melaksanakan sebanyak 971 projek kebenaran merancang yang melibatkan 172 unit kediaman dan premis komersial.

Pembinaan lorong pejalan kaki dan pembinaan lorong khas untuk penunggang basikal di sekitar Bandaraya Alor Setar yang sedang dipergiatkan dapat memantapkan lagi sistem operasi jalan dan lalu lintas kita. Kini, segala masalah yang dihadapi para penduduk dapat disalurkan hanya diujung jari menerusi pelbagai saluran aduan media sosial seperti Whatsapp, Line dan Telegram yang pihak MBAS telah sediakan. Tindakan pantas pihak Majlis dalam menangani aduan diterima ini seperti kerosakan jalan, kerosakan lampu dan segala aduan yang lain semakin efisien dan berkualiti. Manakala Indeks Kepuasan Pelanggan MBAS telah mencapai 87.6%.

Dalam aspek pelancongan, Bandaraya Alor Setar telah mengukuhkan ikon-ikon tarikan pelancong diantaranya ikon perkataan 'ALOR SETAR'. Keunikan ikon ini adalah dari segi ketahanannya yang menyamai ikon 'I AMSTERDAM' yang membenarkan pelancong bergambar di atas perkataan 'ALOR SETAR'.

Ikon 'Alor Setar' ini ditempatkan di Dataran Medan Bandar berhadapan dengan Masjid Zahir Alor Setar. Ikon ini akan menjadi mercu tanda Alor Setar dan tarikan pelancong untuk bergambar serta nilai sentimental yang baru bagi seluruh warga Bandaraya kita sejajar dengan negara-negara antarabangsa yang lain.

Warga Bandaraya sekalian,

Hala tuju kita pada Tahun 2016 ini adalah untuk melangkah ke era yang baru di mana para penduduk Bandaraya Alor Setar dan pihak MBAS dapat berganding bahu untuk mengecapi wawasan 2020 yang berbaki hanya 4 tahun lagi. Tahun 2016 dijangka akan melakarkan beberapa lembaran yang lebih hebat berbanding tahun-tahun terdahulu. Keadaan ekonomi global dan domestik yang menyusut, kenaikan kos sara hidup yang dijangka meningkat dan penyusutan pendapatan rakyat, sedikit sebanyak bakal mempengaruhi

ketidakseimbangan perbelanjaan MBAS. Sungguhpun demikian, MBAS telah menanam cita-cita, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Begitu juga, Bandaraya Hijau dan Bandaraya Pintar telah diberi penekanan khusus melalui program pengurangan karbon dari kenderaan, bangunan hijau dan kejranaan hijau.

Pembangunan yang mampan dan program Bandar Selamat akan diperluaskan, bukan hanya di Pusat Bandar tetapi turut merangkumi 333km kawasan pembangunan MBAS.

TRANSFORMASI MBAS DIHATI RAKYAT telah menjadi tagline MBAS kerana pihak Majlis sentiasa sinonim dengan perkhidmatan yang sentiasa mendahulukan kemakmuran rakyat agar lebih dekat dihati. Segala program yang dijalankan oleh MBAS mulai 2016 akan sentiasa meletakkan rakyat sebagai prioriti dan mengambil kira harapan para penduduk. Pendekatan harmoni kepada rakyat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Jawatan Perwakilan Penduduk (JPP) dalam perancangan program di bawah Majlis ini akan membolehkan rakyat mengetahui dan turut merasai setiap perolehan MBAS dan sumber pendapatannya.

Tahun 2016 diharapkan dapat menjadi buku yang baru untuk kita melaksanakan dan meningkatkan lagi capaian kita dalam segala perancangan strategik yang ingin dikecapi. Tercapainya pencapaian kita pada tahun yang baru ini akan menjadi kejayaan yang dapat dibanggakan oleh seluruh warga Bandaraya Alor Setar. Pelbagai perancangan projek dan program yang telah dirangka bagi mengekalkan kualiti dan meningkatkan prestasi keceriaan dan kebersihan Bandaraya Alor Setar seperti pembinaan kemudahan tempat letak kereta bertingkat di Kuala Kedah dan program kemasyarakatan dan kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi pelancongan yang giat dibangunkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kerjasama yang jitu diperlukan bukan sahaja dari warga Majlis Bandaraya Alor Setar malah penglibatan dari penduduk amatlah disanjung. Adalah diharapkan penduduk Bandaraya Alor Setar supaya dapat menghargai setiap projek penyelenggaraan dan pembangunan dan turut bersama dalam menyumbang pendapatan MBAS menerusi pembayaran cukai pintu.

Dengan itu, jelaslah di sini bahawa kedua-dua pihak iaitu Majlis Bandaraya Alor Setar dan setiap warga penduduk bandaraya ini memainkan peranan dan kebergantungan antara satu sama lain dalam membentuk komuniti dan bandaraya kita sebagai Bandaraya Aman Makmur.

Dengan keazaman yang baik dari tuan-tuan dan puan-puan untuk organisasi Majlis Bandaraya Alor Setar ini, saya amat optimis bahawa harapan setiap penduduk bandaraya kita pada Tahun 2016 akan berjaya kita kecapai. Dengan ini, bersama-samalah kita mengemudi bahtera tahun baru ini, Tahun 2016 untuk membentuk bandaraya kita dan merealisasikan 'Transformasi MBAS; MBAS Dihati Rakyat'. Peluang ini juga ingin saya manfaatkan untuk sama-sama menjemput para penduduk dari serata negeri dan luar negara untuk melawat Bandaraya Alor Setar di negeri Kedah ini sempena *Discover Kedah 2016, Tahun Melawat Kedah*.

Sekian, Selamat Menyambut Tahun Baru 2016, Selamat Datang ke Bandaraya Alor Setar, Selamat datang ke Negeri Kedah.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته